

22 JUL 1998

DAIM-DASAR/I

KESTABILAN RINGGIT, KEYAKINAN PELABUR, TARIK FDI JADI KEUTAMAAN, KATA DAIM

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Menstabilkan kadar tukaran asing, membina keyakinan perniagaan dan menarik pelaburan asing langsung (FDI) menjadi keutamaan kerajaan apabila ia mengeluarkan pelbagai langkah dasar baru-baru ini untuk memulihkan ekonomi, kata Menteri Tugas-Tugas Khas Tun Daim Zainuddin hari ini.

Hasil daripada dasar-dasar ini mungkin tidak dirasakan dalam tempoh terdekat ini kerana dasar kewangan dan tukaran asing selalunya mengambil masa enam hingga 18 bulan untuk memberi kesan penuh, katanya dalam ucapannya di seminar dua hari mengenai "Krisis Ekonomi di Malaysia dan Peranan Media" di sini.

Bagaimanapun, prospek ekonomi makro Malaysia bagi 1998 dan selanjutnya juga bergantung kepada faktor-faktor luaran, seperti kedudukan ekonomi Jepun," katanya.

Ucapan beliau dibacakan oleh Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Ibrahim Saad.

Daim berkata Malaysia mesti mengelak daripada kehilangan kedaulatan untuk menentukan arah haluan ekonomi dan politiknya.

"Masalah ekonomi negara yang tenat boleh meruncing jika terdapat pandangan negatif yang tidak rasional mengenai masa depan yang boleh menyebabkan ianya benar-benar akan berlaku," katanya.

"Ia boleh menghasilkan kitaran buruk aliran keluar modal yang kemudiannya boleh menyebabkan matawang dan harga-harga terus susut, dan memberikan tekanan yang amat berat ke atas sektor swasta dan melemahkan ekonomi," katanya.

Daim menegaskan bahawa krisis ekonomi Malaysia adalah krisis keyakinan dan bukannya disebabkan oleh angka-angka agregat makro yang "bertopengkan" beberapa ketidakcekapan mikro.

Ia disebabkan kesan jangkitan daripada pengaliran keluar dana asing jangka pendek dari rantau ini yang mengakibatkan penyusutan nilai ringgit, katanya dalam ucap utamanya.

Kejatuhan kadar tukaran asing Asia disebabkan oleh spekulasi dan permintaan berlebihan bagi dolar Amerika berbanding bekalannya, jelas beliau.

Daim berkata dengan media dikuasai oleh segelintir orang di New York, tumpuan sebarang perdebatan dimonopoli oleh pemilik-pemilik media yang mempunyai kepentingan, pada masa yang sama mengenenpikan kepentingan awam atau masyarakat.

Contohnya, walaupun preskripsi Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF) iaitu dasar kewangan dan fiskal yang ketat gagal memulihkan ekonomi negara-negara Asia yang tenat, ia masih menjadi standard kepada alternatif lain.

"Sejak bilakah IMF menjadi penawar yang mujarab? Pengendalian krisis ekonomi Asia olehnya sejak 12 bulan lepas telah gagal.

"Kini telahpun ada persetujuan di kalangan negara-negara yang terlibat bahawa dasar yang sebaliknya diperlukan. IMF sendiripun telah mengakuinya dengan membenarkan beberapa negara peminjam mengadakan belanjawan defisit untuk merangsang pertumbuhan," katanya.

Daim berkata ide dan alternatif Malaysia untuk memulihkan ekonominya kepada kedudukan asalnya harus dihakimi dengan adil dan penilaian kritikal yang mendalam, bukannya ditolak sebagai "model sihir ekonomi".

Apabila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyalahkan spekulator matawang kerana krisis ini dan mencadangkan pengawasan, beliau

hanyalah suara yang berseorangan di tengah-tengah belantara, kata Daim.

"Kini, seruan lantang beliau dapat didengar dari ibu-ibu negara anggota G-24 dan baru-baru ini, Australia and Hong Kong, hingga ke dewan-dewan akademi Amerika," katanya.

"Alan Greenspan dari Rizab Persekutuan (Amerika Syarikat) kini mengakui bahawa satu bentuk pengawasan mesti diadakan untuk menghalang timbulnya krisis yang sama. Malah George Soros pun bersetuju.

"Tetapi, apabila Perdana Menteri mencadangkan satu penyelesaian baru kepada krisis ini yang menyongsang arus formula konvensional IMF yang gagal, pandangan beliau masih disifatkan sebagai menyimpang daripada pandangan umum," tambahnya.

-- BERNAMA

AD JR MA